

**PERBEZAAN PERUNTUKAN KESALAHAN
KHALWAT DAN PERSEDIAAN PERSETUBUHAN
LUAR NIKAH: KAJIAN TERHADAP
PERUNTUKAN ENAKMEN JENAYAH SYARIAH
(SELANGOR) 1995**

***The Difference in Provisions for Khalwat Offenses and
Preparation for Illicit Sexual Intercourse: A Study on the
Provisions of the Shariah Criminal Enactment (Selangor)
1995***

Siti Aisyah Samudin

*Senior Lecturer, Department of Shariah and Law
Academy of Islamic Studies,
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia
sitiaisyah.samudin@um.edu.my*

Nuur Nuwairah Mohammad Lutfi

*Department of Shariah and Law
Academy of Islamic Studies,
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia*

ABSTRACT

Shariah Criminal Offences (Selangor) Enactment 1995 includes provisions for the preparation for illicit sexual intercourse under Section 26 and provisions for the offense of khalwat under Section 29. Offenses convicted under these provisions will first be examined for elements, characteristics, situations, and conditions during the enforcement stage before proceeding to prosecution. The existence of these provisions is to address actions contrary to Shariah, such as zina (adultery) and free mixing. Among

the issues prompting the importance of this study is the increasing number of cases of khalwat and preparation for illicit sexual intercourse, as well as the public perception that these are only minor offenses. The confusion regarding the elements, enforcement, and prosecution of Section 26 and Section 29 necessitates a study to unravel the detailed differences between the two. The existence of terms combining both provisions as one in other states raises the question of whether they are actually the same offense. This study is conducted with the objective of examining the legal provisions for the offenses of khalwat and preparation for illicit sexual intercourse under the Shariah Criminal Offences (Selangor) Enactment 1995, scrutinizing the enforcement and prosecution procedures for both, and analyzing related cases. This study is conducted through literature review, semi-structured interviews with authoritative parties, and content analysis, specifically analyzing related cases. From the results of the study, the researcher found that these two provisions indeed have differences, such as in terms of elements. Section 26 emphasizes any act that indicates preparation for premarital intercourse, while Section 29 does not focus on the act itself, as the element of circumstances that raise suspicion of immoral conduct is sufficient to convict for the offense of khalwat.

Keywords: *khalwat, intercourse preparation, prosecution, enforcement, shariah*

PENDAHULUAN

Kesalahan khalwat merupakan salah satu kesalahan kesusilaan (Azhar Abdullah, 2015). Ia juga merupakan kesalahan jenayah syariah yang paling tinggi dilaporkan di Mahkamah Syariah sekiranya dibandingkan dengan kesalahan-kesalahan jenayah Syariah yang lain. Kesalahan moral seperti khalwat sering mendapat perhatian dan paling banyak ditangani oleh pihak penguatkuasa agama (Siti Zubaidah Ismail, 2014; 193-212)

Kes-kes berkenaan pasangan lelaki dan perempuan ditangkap kerana berkhawat ini sudah lama menjadi bahan sensasi berita akhbar di Malaysia semenejak era tahun 1980-an lagi terutama sekali apabila pasangan tersebut merupakan dalam kalangan selebriti seperti penyanyi dan pelakon (Noor 'Ashikin et al., 2015; 298). Oleh itu, perlunya untuk mencegah khalwat kerana ia merupakan perkara terlarang dalam Islam dan perlu dihalang bagi mengelakkan berlakunya zina serta memelihara nasab keturunan keluarga (Zaid Hussin Al-Hamid, 1984). Sekiranya perkara ini tidak dihalang, ia akan memberi kesan kepada keturunan dan nasab (*Ibid.*). Berkenaan dengan hukuman bagi kesalahan khalwat, ia adalah tanggungjawab kerajaan dalam menekankan perincian elemen yang perlu dipenuhi dan hukuman yang sesuai dikenakan ke atas pelaku. Hukuman ke atas pelaku bukanlah untuk mengaibkan tetapi sebagai pengajaran supaya dapat memulihkan semula kerohanian dan jiwa (Azizah Mat Rashid et al., 2021; 29-42).

Bagi kesalahan persediaan persetubuhan luar nikah pula merangkumi kesalahan seperti lelaki dan perempuan tidur bersama di atas katil, bercumbucumbuan, berpelukan dan sebagainya (Hafifi Hassim & Nawal Sholehuddin, 2019; 84-98). Kesalahan ini sekiranya disabitkan, hukuman yang diterima oleh pesalah laku adalah denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana gabungan hukuman tersebut. Namun begitu, tidak semua negeri mempunyai peruntukan bagi kesalahan ini dan sekiranya ada, jumlah sebatan adalah berbeza berbanding dengan negeri Selangor (Nidhal Mujahid, 2017; 1-12). Pentingnya kewujudan peruntukan berkenaan kesalahan ini adalah bukan sekadar untuk memberi pengajaran kepada pesalah laku itu sendiri, malahan juga kepada masyarakat awam. Hal ini supaya tidak berlaku sehingga ke tahap persetubuhan luar nikah dan akhirnya melahirkan anak luar nikah oleh kerana kesalahan tersebut. Perkara ini juga bagi mengelakkan pembuangan bayi bagi menyembunyikan bukti persetubuhan haram yang dilakukan (Khadijah Alavi et al., 2012; 131-140).

Penguatkuasaan jenayah syariah adalah berdasarkan pelaksanaan peruntukan undang-undang Islam yang sedang berkuatkuasa di bawah negeri-negeri (Siti Zubaidah Ismail, 2008; 537-554). Oleh itu, tugas penguatkuasaan undang-undang jenayah Syariah adalah oleh agensi penguatkuasaan yang menyentuh bidang tugas bahagian penguatkuasaan di jabatan agama Islam negeri masing-masing (Norhusairi Mat Hussin, 2016; 208). Timbul persoalan berkaitan pendakwaan bagi kedua-dua kesalahan persediaan persetubuhan luar nikah dan kesalahan khalwat. Hal ini kerana di dalam artikel yang dijelaskan oleh Hafifi Hassim, kesalahan khalwat juga dikategorikan di bawah kesalahan persediaan persetubuhan luar nikah di negeri lain (Hafifi Hassim & Nawal

Sholehuddin, 2019; 84-98), sedangkan kedua-dua kesalahan ini mempunyai dua peruntukan berbeza di bawah Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995. Setiap negeri mempunyai perbezaan dari aspek jenis dan kategori kesalahan, matan, elemen-elemen dan bentuk peruntukan serta kadar hukuman (Zaini Nasohah, 2022; 146-159). Matan yang digunakan adalah tidak seragam dan berbeza-beza walaupun ia merujuk kepada kesalahan yang sama. Apabila matan berbeza, maka elemen-elemen yang perlu dibuktikan dalam perbicaraan juga adalah berbeza. Bahkan elemen-elemen yang perlu disebut dalam kertas pertuduhan juga adalah berbeza (*Ibid.*). Setiap undang-undang jenayah syariah yang diperuntukkan di negeri mempunyai jenis dan kategori kesalahan yang berbeza-beza. Daripada aspek jenis kesalahan, terdapat pelbagai istilah yang digunakan tetapi sebenarnya merujuk kepada kesalahan yang sama. Sebagai contoh, negeri-negeri di Malaysia menggunakan tiga istilah yang berbeza iaitu sama ada menggunakan istilah khalwat atau bersekediaman atau percubaan persetubuhan haram. Majoriti negeri-negeri di Malaysia menggunakan istilah khalwat, namun negeri Melaka menggunakan istilah bersekediaman, manakala bagi Negeri Sembilan pula menggunakan istilah percubaan persetubuhan haram.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, penyelidik berusaha untuk membuat kajian dalam menentukan sesuatu pendakwaan itu terutama sekali apabila kesalahan jenayah syariah yang dikaji merupakan antara kesalahan yang banyak dibicarakan di Mahkamah. Sesuatu kesalahan itu perlulah diamati kerana istilah yang berbeza akan menyebabkan kekeliruan pemahaman ke atas masyarakat awam dan sekaligus akan menimbulkan kontroversi yang mana sekiranya seseorang pesalah itu wajar disabitkan dan menerima hukuman tersebut. Perlunya kajian ini adalah untuk melihat tatacara pendakwaan bagi Seksyen 26 bagi persediaan persetubuhan luar nikah dan Seksyen 29 bagi kesalahan khalwat. Hal ini kerana kedua-dua kesalahan ini mempunyai kesalahan yang lebih kurang sama dari segi elemen. Sekiranya melihat kepada negeri-negeri lain, ada yang hanya mempunyai kesalahan khalwat dan bukan kesalahan persediaan persetubuhan luar nikah. Terdapat juga negeri yang hanya menggunakan istilah khalwat atau percubaan persetubuhan haram sahaja. Mereka tidak membezakan kesalahan khalwat dan kesalahan persediaan persetubuhan luar nikah sebagai dua kesalahan yang berlainan.

Penulis di dalam kajian ini memfokuskan kepada tiga objektif utama iaitu membuat kajian peruntukan undang-undang bagi kesalahan khalwat dan kesalahan persediaan persetubuhan luar nikah di bawah Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, meneliti tatacara penguatkuasaan dan pendakwaan bagi kedua-dua kesalahan jenayah syariah tersebut serta menganalisis kes bagi kedua-dua peruntukan dalam melihat perbezaan dari segi ciri-ciri dan elemen.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah yang digunakan bagi mencapai objektif pertama di dalam kajian ini adalah melalui kaedah pengumpulan data dengan membuat penelitian terhadap Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, kitab-kitab muktabar, laman sesawang berautoriti, keratan akhbar, artikel disertasi dan tesis yang berkaitan. Data bagi kajian ini dianalisis menggunakan kaedah kepustakaan. Hasil daripada penelitian, dapat dilihat bahawa definisi serta konsep khalwat dan persediaan persetubuhan luar nikah adalah berbeza dari sudut peruntukan.

Bagi mencapai objektif kedua kajian ini, kaedah kajian dijalankan adalah kaedah kepustakaan iaitu rujukan kepada penulisan-penulisan berkaitan. Kaedah ini digunakan untuk menganalisis tatacara penguatkuasaan dan pendakwaan secara terperinci serta metodologi temu bual separa struktur digunakan bagi mengetahui lebih lanjut oleh pihak-pihak berautoriti berkenaan perbezaan kesalahan khalwat dan persediaan sebagai persetubuhan luar nikah dari aspek teknikal dalam penguatkuasaan dan pendakwaan. Bagi mencapai objektif ketiga di dalam kajian, penyelidik telah menjalankan temu bual separa struktur bersama Ketua Seksyen Penyelidikan, Ketua Seksyen Perundangan dan Ketua Seksyen Rayuan yang mana ketiga-tiga informan juga merupakan Pendakwa Syarie di Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor. Kaedah analisis kandungan juga dijalankan bagi menganalisis kes-kes yang merangkumi kesalahan Seksyen 26, Seksyen 29 dan kes-kes yang berlaku pindaan di antara Seksyen 26 dan Seksyen 29 kerana terdapatnya elemen atau qarinah yang menunjukkan bahawa ia perlu dipinda kepada peruntukan yang lebih tepat.

KONSEP KHALWAT DAN PERSETUBUHAN LUAR NIKAH (ZINA) MENURUT SYARIAH

Perkataan khalwat adalah berasalkan bahasa Arab (خلوة - يخلو - خلا) iaitu berseorangan (al-Bustani, t.t.). Khalwat bermaksud tersembunyi, menyendiri, tertutup dan sunyi (Ibn Manzur, 1967). Khalwat menurut Kamus Bahasa Melayu oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pula adalah perbuatan mengasingkan atau memencilkan diri untuk menenangkan fikiran dan bertafakur. Para ulama mentakrifkan khalwat sebagai berseorangan untuk mencapai ketenangan daripada pelbagai hal dengan hanya mengingati Allah SWT (Said al-Shartibi, t.t.; 300; Mohd Shukri Hanapi, 2003). Beberapa ulama' lain dari 4 ulama besar iaitu Imam Hanafi, Imam Malik, Imam Syafie dan Imam Hanbali berpendapat bahawa khalwat adalah suami isteri yang bersekedudukan sama ada persetubuhan itu berlaku atau tidak kecuali wujud sebab-sebab yang boleh menghalang mereka daripada berlakunya persetubuhan (Muhamad Amin

Syahir Ibn ‘Abidin, 1996). Oleh itu, pendapat bahawa khalwat itu dalam kalangan suami isteri yang sah juga wujud.

Namun maksud lain bagi khalwat adalah berdua-duaan di tempat yang terpencil atau tersembunyi antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram dan juga bukan suami dan isteri sah sehingga boleh menimbulkan fitnah dan dianggap sebagai suatu perbuatan yang sumbang dan jelek.¹ Khalwat dari segi syarak adalah seorang lelaki ajnabi berdua-duaan dengan seorang perempuan ajnabi di tempat terpencil jauh dari pandangan mata manusia. Oleh itu, bukan sekadar perbuatan zina sahaja yang dilarang, tetapi apa-apa perkara yang menghampiri zina termasuk khalwat adalah larangan oleh Allah SWT. Islam amat tegas dalam mencegah perbuatan zina dan perbuatan-perbuatan yang menghampirinya supaya dapat memelihara keturunan (nasab) yang mana ia merupakan salah satu dari lima prinsip maqasid syariah.

Khalwat terbahagi kepada tiga iaitu *khalwat sahihah*, *khalwat muharramah* dan *khalwat mubah*. *Khalwat sahihah* adalah pasangan suami dan isteri dengan ikatan pernikahan yang sah bersendiriran atau bersunyi-sunyian di tempat terpencil jauh dari orang ramai dan melakukan *istimta’*. *Khalwat muharramah* adalah khalwat antara lelaki dan perempuan ajnabi yang tidak bernikah dan akhir sekali *khalwat mubah* adalah khalwat khusus untuk pendidikan atau perubatan seperti pembedahan, pendidikan atau kaunseling. Namun begitu, menurut ‘Abd Rahman al-Jaziri, beliau membahagikan khalwat kepada dua jenis iaitu *khalwat sahihah* dan *khalwat ihtida* (Abd Rahman al-Jaziri, 1969). *Khalwat sahihah* adalah khalwat antara suami isteri yang sah pernikahannya di tempat terpencil dan jauh daripada orang ramai manakala *khalwat ihtida*’ adalah perbuatan berdua-duaan antara seorang lelaki dan perempuan yang bukan mahramnya jauh dari orang ramai, tanpa adanya orang ketiga yang bersama-sama dengan mereka.

Hukum bagi berkhalwat adalah haram. Menurut penjelasan Imam Nawawi, sekiranya seorang lelaki ajnabi dan seorang perempuan ajnabiah berdua-duaan tanpa kewujudan orang ketiga atau peneman, maka hukumnya adalah haram mengikut kesepakatan para Ulama.² Terdapat juga hadis yang menyatakan berkenaan pengharaman berkhalwat:

لَا يَخْلُونَ رَجُلٌ بِامْرَأَةٍ إِلَّا وَمَعَهَا ذُو مَحَرَمٍ

¹ *Khalwat*. (2017). Kamus Dewan Bahasa Pustaka, dicapai pada 20 April 2024, from <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=khalwat>

² Syarah Sahih Muslim (9/109)

*“Janganlah bersunyi-sunyian seorang lelaki dan perempuan melainkan yang bersama-sama perempuan tersebut mahramnya.”*³

Perbuatan yang menghampiri zina seperti khalwat juga adalah diharamkan. Allah berfirman di dalam al-Quran berkenaan perbuatan menghampir zina:

وَلَا تَقْرُبُوا الزَّانَةَ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

“Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).”

(Surah al-Isra', 17: 32)

Berkenaan kesalahan persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah, Syarak tidak menjelaskan dengan terperinci berkenaan ciri-ciri dan kesalahan tersebut. Namun begitu, terdapat definisi dan hukum menurut syarak bagi konsep persetubuhan luar nikah (zina).

Istilah zina dari sudut bahasa berasal dari bahasa Arab iaitu (زَنِى - زَيْنَى - زِنَى) dan didefinisikan sebagai persetubuhan antara lelaki dan perempuan yang bukan merupakan pasangan suami isteri dan menjadi tidak sah dan haram.⁴ Bagaimanapun secara istilah berdasarkan Ibnu Rusyd, zina adalah persetubuhan kerana pernikahan yang sah, syubhah dan bukan kerana pemilikan hamba perempuan (Fuad Thohari, t.t.).

Berikut merupakan dalil di dalam Al-Quran yang menyatakan kesalahan:

وَلَا تَقْرُبُوا الزَّانَةَ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

“Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).”

(Surah al-Isra', 17: 32)

Berikut pula merupakan dalil bagi hukuman orang yang berzina:

الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلْيَشْهَدْ عَذَابُهُمَا طَائِفَةٌ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ

³ Abdullah Bin Abbas, Sahih Muslim. no. hadith 3006. h.

⁴ Zina. (2017). Kamus Dewan Bahasa Pustaka, dicapai pada 20 April 2024, <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=zina&d=175768&>

“Perempuan yang berzina dan lelaki-lelaki yang berzina, maka deraulah setiap satu dari mereka dengan seratus kali deraan. Dan janganlah kamu memberi belas kasihan kepada keduanya di dalam menjalankan (ketentuan) agama Allah iaitu jika kamu beriman kepada Allah dan hari akhir. Dan hendaklah (dalam melaksanakan) hukuman mereka disaksikan oleh sekumpulan orang-orang yang beriman.”

(Surah an-Nur, 24: 2)

Adapun terdapat juga hadith-hadith yang menyatakan berkenaan zina. Diriwayatkan oleh Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ عَلَى ابْنِ آدَمَ حَظَّهُ مِنَ الزِّنَا، أَدْرَكَ ذَلِكَ لَا مَحَالَةَ، فَرْنَا
الْعَيْنَ النَّظْرَ، وَزَنَا اللِّسَانَ الْمَنْطِقَ، وَالْقَلْبَ تَمَنَّى وَتَشْتَهَى، وَالْفَرْجَ يُصَدِّقُ
ذَلِكَ كُلَّهُ وَيَكْذِبُهُ

“Sesungguhnya Allah telah menetapkan bahagian zina untuk setiap anak Adam, dia akan mendapatkannya dan tidak boleh dihindari, maka zina mata dengan melihat, zina lidah dengan ucapan, zina hati dengan membayangkan dan merasakan syahwat, sedangkan kemaluan membenarkan semua itu atau mendustakannya.”

Ulama’ seperti Yusuf al-Qaradawi menyatakan bahawa setiap agama Samawi bersependapat bahawa zina itu adalah haram dan ditentang sekeras-kerasnya. Agama terakhir iaitu agama Islam juga melarang perbuatan zina kerana ia merupakan kesalahan besar dan akan memberi kesan kepada nasab keturunan (Yusuf al-Qardawi, 1980; 167-168).

Ibn Kathir berkata pula menjelaskan bahawa Allah SWT melarang manusia untuk berzina dan menegah daripada mendekatinya. Apa-apa kelakuan yang juga membawa kepada zina seperti berkhawat juga mestilah ditegah dan dielakkan. Ini adalah seperti Firman-Nya:

وَسَاءَ سَبِيلًا

“..dan satu jalan yang jahat..”⁵

⁵ Abu al-Fida Imad ad-Din (*Kunyah*) Ismail bin Umar bin Kathir bin Daw bin Kathir bin Dir al-Busrawi, ad-Dimashqi ash-Shafi’i al-Qurasyi, *Tafsir Ibn Kathir*, Dar al-Kutub al-Ilmiyah. (5/7)

Adapun zina mempunyai beberapa tiga jenis iaitu Zina al-Laman, Zina Muhsan dan Zina Ghairu Muhsan. Zina al-Laman zina adalah zina yang berlaku melalui pancaindera seperti melihat, mendengar, berbicara, menyentuh, berjalan dan perasaan yang menyebabkan timbulnya rasa syahwat. Perkara ini boleh berlaku seperti mereka yang berbual berkenaan perkara-perkara kotor dan juga boleh berlaku di dalam telefon melalui mesej-mesej yang dihantar.

Zina Muhsan pula bermaksud zina yang berlaku apabila seseorang itu sudah bernikah secara sah tetapi mempunyai bubungan intim bersama orang lain yang bukan merupakan isterinya. Ini juga seringkali berlaku dalam kalangan masyarakat kini walaupun mereka hakikatnya sudah berkahwin dengan sah.

Akhir sekali adalah Zina Ghairu Muhsan. Jenis zina ini merujuk kepada mereka yang masih belum bernikah dengan sah dan mempunyai hubungan intim. Perkara ini tidak berlaku dalam kalangan remaja sahaja, malahan ia berlaku tidak kira lapisan umur.

Setelah melihat kepada kedua-dua perbuatan khalwat dan zina, dari aspek hukum kedua-duanya adalah sama iaitu haram. Perbezaannya adalah perbuatan yang mana zina berlakunya hubungan intim antara lelaki dan perempuan yang tidak berkahwin manakala khalwat adalah perbuatan yang membawa kearah hubungan intim tersebut iaitu lelaki dan perempuan tidak berkahwin berduaan di tempat terpencil.

KESALAHAN KHALWAT DAN PERSEDIAAN MELAKUKAN PERSETUBUHAN LUAR NIKAH MENURUT UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

Melalui rujukan-rujukan seperti sumber utama Al-Quran, hadith-hadith, kitab-kitab serta pendapat para ulama', istilah khalwat ini dijadikan undang-undang dan dikanunkan di Malaysia seperti Seksyen 29 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 (Enakmen 9 Tahun 1995), Seksyen 27 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559), Seksyen 27 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 Johor (Enakmen 4 Tahun 1997) dan beberapa peruntukan lain di negeri-negeri lain. Berikut merupakan setiap peruntukan berkenaan khalwat di setiap negeri di Malaysia:

Jadual 1: Peruntukan kesalahan khalwat di setiap negeri

No.	Negeri	Enakmen	Kategori	Peruntukan
1.	Perlis	Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991 (Enakmen 4 Tahun 1993)	Bahagian II- Kesalahan-Kesalahan	Seksyen 9. Khalwat
2.	Kedah	Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Negeri Kedah) 1988 (Enakmen 9 Tahun 1988)	Bahagian II- Kesalahan-kesalahan	Seksyen 9. Khalwat
3.	Pulau Pinang	Enakmen Kesalahan Jenayah (Syariah) (Negeri Pulau Pinang) 1996 (Enakmen 3 Tahun 1992)	Bahagian IV- Kesalahan Yang Berhubung Dengan Kesusilaan	Seksyen 27. Khalwat
4.	Perak	Enakmen Jenayah (Syariah) 1992, Perak (Enakmen 3 Tahun 1992)	Bahagian VI- Kesalahan Berhubungan Dengan Maruah Diri	Seksyen 14. Khalwat
5.	Selangor	Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 (Enakmen 9 Tahun 1995)	Bahagian IV- Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Kesusilaan	Seksyen 29. Khalwat
6.	Wilayah-Wilayah Persekutuan	Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559)	Bahagian IV- Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Kesusilaan	Seksyen 27. Khalwat
7.	Negeri Sembilan	Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 (Enakmen 4 Tahun 1992)	Bahagian IV- Kesalahan Darihal Kesalahan Mengenai Kehormatan Diri	Seksyen 61. Percubaan persetubuhan haram.
8.	Melaka	Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 (Enakmen 6 Tahun 1991)	Bahagian IV- Kesalahan-Kesalahan lain	Seksyen 53. Bersekediaman

Perbezaan Peruntukan Kesalahan Khalwat dan Persediaan Persetubuhan Luar Nikah

9.	Johor	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 Johor (Enakmen 4 Tahun 1997)	Bahagian IV- Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Kesusilaan	Seksyen 27. Khalwat.
10.	Pahang	Enakmen Pentadbiran U gama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 (Enakmen 8 Tahun 1982)	Bahagian IX- Kesalahan	Seksyen 145. Bercumbuan atau berkhawat.
11.	Terengganu	Enakmen 7 Tahun 2001 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001	Bahagian IV- Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Kesusilaan	Seksyen 31 . Khalwat
12.	Kelantan	Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985 (Enakmen 2 Tahun 1985)	Bahagian II- Kesalahan- Kesalahan	Seksyen 9. Khalwat
13.	Sarawak	Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001 (Sarawak) (Ordinan 46 Tahun 2001)	Bahagian IV- Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Kesusilaan	Seksyen 24. Khalwat
14.	Sabah	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995 (Sabah) (Enakmen Tahun 1995)	Bahagian IV- Kesalahan	Seksyen 84. Khalwat

Sumber: Alias Azhar et al. (2016: 8-17).

Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 (Enakmen 9) memperuntukkan kesalahan jenayah khalwat seperti berikut:

“29. (1) *Mana-mana:*

a) orang lelaki yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang perempuan yang bukan isteri atau mahramnya;

b) perempuan yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang lelaki yang bukan suami atau mahramnya,

di mana-mana tempat yang terselindung atau di dalam rumah atau bilik dalam keadaan yang boleh menimbulkan syak bahawa mereka sedang melakukan perbuatan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda

tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”⁶

Bagi peruntukan Seksyen 29, perbuatan yang tidak bermoral tidak perlu dibuktikan apakah perbuatan tersebut kerana sekiranya wujud sahaja syak bahawa lelaki atau perempuan bukan mahram sedang melakukan perbuatan tidak moral sudah memadai dan boleh disabitkan kesalahan di bawah peruntukan ini. Di dalam kes *Syarie Prosecutor v Zainal Abidin bin Saad & Anor [2009] 1 SHLR 134*, kedua-dua tertuduh lelaki dan perempuan berduaan di dalam sebuah rumah sehingga menimbulkan syak bahawa mereka melakukan perbuatan tidak bermoral. Rumah tersebut merupakan rumah sewa tertuduh kedua dan apabila tertuduh kedua membawa masuk tertuduh pertama ke dalam rumah sewanya ketika tengah malam sudah menunjukkan niat mereka untuk melakukan sesuatu perbuatan yang menyalahi syarak dan tidak bermoral. Oleh itu kedua-dua tertuduh disabitkan bersalah di bawah Seksyen 29 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 (Enakmen 9).

Sebelum menelusuri peruntukan bagi persediaan melakukan persetubuhan luar nikah, terlebih dahulu perlu melihat kepada kesalahan persetubuhan luar nikah (zina). Kesalahan dan hukuman berkenaan jenayah zina ini bermula daripada undang-undang jenayah Islam di Malaysia yang mana batu bersurat di Terengganu dijumpai pada tahun 1898. Batu bersurat tersebut tercatat seperti berikut:

“Orang berbuat balacara lelaki perempuan setitik; Dewata Mulia Raya jika mereka bujang palu; seratus rotan. Jika mereka merdeka beristeri; atau perempuan bersuami ditanam hinggakan; pinggang dikembalang dengan batu matikan.”

Dapat dilihat di sini bahawa kesalahan zina hakikatnya sudah lama bertapak di Malaysia dan dilaksanakan. Melalui perubahan-perubahan perundangan sepanjang zaman, maka terhasilnya undang-undang Islam di Malaysia seperti jenayah dan mal. Setiap negeri mempunyai peruntukan berbeza di bawah Senarai Negeri (Senarai II) Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang mana ia merupakan kuasa dan hak eksklusif kerajaan negeri untuk menggubal undang-undang Islam. Sebagai contoh, peruntukan bagi kesalahan zina di negeri Selangor adalah di bawah Seksyen 25 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 (Enakmen 9) iaitu Persetubuhan Luar Nikah seperti berikut:

“(1) Mana-mana orang lelaki yang melakukan persetubuhan dengan orang perempuan yang bukan isterinya yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda

⁶ Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 (Enakmen 9 Tahun 1995)

tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

(2) Mana-mana orang perempuan yang melakukan persetubuhan dengan orang lelaki yang bukan suaminya yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

(3) Hakikat bahawa seorang perempuan hamil luar nikah akibat daripada persetubuhan yang dilakukan dengan kerelaannya dan sedang dia sedar tentang perbuatannya adalah keterangan prima facie tentang pelakuan kesalahan di bawah subseksyen (2) oleh orang perempuan itu.

(4) Bagi maksud subseksyen (3), seseorang perempuan yang melahirkan anak yang sempurna sifatnya dalam tempoh yang kurang daripada enam bulan qamariah dari tarikh pernikahannya hendaklah disifatkan telah hamil luar nikah.”⁷

Di dalam Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 (Enakmen 9), terdapat juga peruntukan bagi persediaan persetubuhan luar nikah selain peruntukan khalwat dan persetubuhan luar nikah. Seksyen 26 menjelaskan berkenaan perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah seperti berikut;

“Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah, walaupun perbuatan itu tidak sampai ke tahap suatu percubaan untuk melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 25, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.”⁸

⁷ Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 (Enakmen 9 Tahun 1995)

⁸ Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 (Enakmen 9 Tahun 1995)

Elemen utama bagi Seksyen 26 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 merupakan perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah. Oleh itu, apa-apa perbuatan yang boleh disabitkan di bawah kesalahan ini merupakan satu kesalahan seperti perempuan bukan mahram duduk di atas lelaki bukan mahram yang sedang baring di dalam bilik dengan suasana lampu malap. Ini dapat dilihat seperti di dalam kes *KPS v AMZ [2018] 4 SHLR 41* yang mana kedua-dua tertuduh tidak mempunyai hubungan keluarga dan bukan pasangan suami isteri ditangkap oleh Pegawai Penguatkuasa Agama di sebuah hotel di Ampang. Ketika ditangkap, perempuan tersebut sedang duduk di atas lelaki yang sedang baring di atas katil dan kedua-duanya tidak berpakaian lengkap. Lelaki tersebut tidak berbaju dan tidak berseluar manakala wanita tersebut tidak berpakaian lengkap sehingga kelihatan payudaranya. Oleh kerana kesalahan tertuduh memenuhi elemen-elemen, maka tertuduh disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 26 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.

Tidak semua negeri mempunyai peruntukan Persediaan Persetubuhan Luar Nikah. Negeri-negeri yang tidak mempunyai peruntukan ini adalah negeri Melaka dan Negeri Sembilan. Berikut pula merupakan senarai negeri-negeri yang mempunyai peruntukan Persediaan Persetubuhan Luar Nikah:

Jadual 2: Senarai negeri-negeri yang mempunyai peruntukan kesalahan Persediaan Persetubuhan Luar Nikah

No	Negeri	Akta/enakmen	Seksyen	Kesalahan
1.	Selangor	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995	Seksyen 26	Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah.
2.	Wilayah-Wilayah Persekutuan	Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997	Seksyen 24	Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah.
3.	Kelantan	Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan 1985	Seksyen 12	Mukadimah Zina
4.	Terengganu	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001	Seksyen 29	Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah.

Perbezaan Peruntukan Kesalahan Khalwat dan Persediaan Persetubuhan Luar Nikah

5.	Pulau Pinang	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996	Seksyen 24	Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah.
6.	Kedah	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014	Seksyen 22	Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah
7.	Perlis	Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991 - Perlis	Seksyen 11	Muqaddimah zina.
8.	Perak	Enakmen Jenayah (Syariah) 1992 – Perak	Seksyen 49	Percubaan persetubuhan haram.
9.	Johor	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 – Johor	Seksyen 24	Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah.
10.	Pahang	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013	Seksyen 30	Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah
11.	Sabah	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995 – Sabah	Seksyen 81	Taqarrub zina.
12.	Sarawak	Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001	Seksyen 21	Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah.

PERBEZAAN KESALAHAN PERBUATAN SEBAGAI PERSEDIAAN UNTUK MELAKUKAN PERSETUBUHAN LUAR NIKAH DAN KESALAHAN KHALWAT DARI SUDUT ELEMEN DAN KEADAAN KETIKA PENGUATKUASAAN

Sekiranya dilihat secara umum kedua-dua peruntukan Seksyen 26 kesalahan perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah dan Seksyen 29 kesalahan khalwat di bawah Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003, ia seolah-olah lebih kurang sama. Persoalan di sini, sekiranya kedua-dua peruntukan ini lebih kurang sama, adakah munasabah sekiranya ia digabungkan atau salah satu peruntukan perlu dimansuhkan? Perkara ini adalah tidak mustahil tetapi ia bukanlah satu penyelesaian yang baik

kerana kedua-dua peruntukan ini hakikatnya terdapat perbezaannya. Walaupun berlaku pindaan pertuduhan beberapa kali bagi kedua-dua peruntukan ini, pemansuhan undang-undang bukanlah satu penyelesaian yang baik. Hal ini kerana pemansuhan undang-undang sahaja mempunyai proses terperinci dan mengambil masa yang sangat lama. Oleh itu, penyelidik telah bertemu dengan Puan Siti Nor Hashiba Binti Jamhari, salah seorang Pendakwa Syarie dari Jabatan Pendakwaan Syariah bagi menyelidik dengan lebih terperinci berkenaan kedua-dua peruntukan ini. Beliau menyatakan bahawa perbezaan ketara bagi kedua-dua peruntukan ini adalah waktu dan keadaan tangkapan tertuduh.

Perkara utama sekali dalam menyelidik kajian ini adalah melihat kepada peruntukan itu sendiri. Berikut merupakan peruntukan bagi kesalahan perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah di bawah seksyen 26 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Selangor:

Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah, walaupun perbuatan itu tidak sampai ke tahap suatu percubaan untuk melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 25, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

Peruntukan ini jelas menekankan elemen penting adalah apa-apa perbuatan yang menunjukkan persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah, walaupun bukanlah sehingga ke tahap percubaan kesalahan melakukan persetubuhan luar nikah. Berdasarkan temubual penyelidik bersama Puan Siti Nor Hashiba, beliau menyatakan beberapa perbuatan dan keadaan yang menunjukkan sebagai persediaan adalah seperti; a) duduk di atas kerusi bersama-sama; b) ditangkap di hotel dalam keadaan tidak berpakaian; c) kondom yang sudah digunakan; d) air mani dijumpai; e) tertuduh dalam keadaan tengah mandi.

Antara perbuatan lain juga adalah menyewa hotel untuk berdua-duaan, kondom yang masih belum dipakai dan katil dalam keadaan berselerak. Namun begitu, kesalahan-kesalahan ini memerlukan bukti lain yang lebih kukuh menunjukkan ia adalah kesalahan di bawah Seksyen 26.

Bagi keadaan yang mana air mani telah dijumpai, ia menunjukkan kemungkinan berlaku atau kemungkinan tidak berlaku kesalahan persetubuhan luar nikah di bawah seksyen 25. Namun begitu, mendakwa seseorang di bawah Seksyen 25 bukanlah perkara yang mudah kerana ia memerlukan bukti yang sangat kukuh dari segi syarak terutama sekali sekiranya tertuduh itu adalah

lelaki. Lazimnya tertuduh wanita yang didakwa dibawah seksyen 25 kerana bukti kukuh melalui hamil dan kelahiran anak. Sekiranya mahu mendakwa tertuduh lelaki, mereka perlu dibawa ke hospital untuk diperiksa oleh para pakar. Namun begitu, membawa tertuduh ke hospital memerlukan keizinan oleh tertuduh terlebih dahulu dan sekiranya mereka tidak mengizinkan, maka tidak boleh dipaksa kerana ini akan melanggar Standard Operating Procedure (SOP) dalam pendakwaan. Seksyen 25 dapat didakwa hanya apabila perbuatan persetubuhan luar nikah itu dilihat dengan jelas.

Seterusnya melihat kepada Seksyen 29 iaitu kesalahan khalwat seperti berikut:

“(1) Mana-mana:-

a) orang lelaki yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang perempuan yang bukan isteri atau mahramnya;

b) orang perempuan yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang lelaki yang bukan suami atau mahramnya,

di mana-mana tempat yang terselindung atau di dalam rumah atau bilik dalam keadaan yang boleh menimbulkan syak bahawa mereka sedang melakukan perbuatan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”⁹

Melalui peruntukan ini, dapat dikeluarkan elemen-elemen penting yang perlu ditekankan seperti: a) Seorang lelaki atau lebih berada bersama seorang perempuan atau lebih yang bukanlah merupakan suami dan isteri sah; b) di tempat terselindung, rumah atau bilik; c) dalam keadaan syak; d) melakukan perbuatan tidak bermoral.

Oleh itu, dapat disimpulkan dengan jelas di sini melalui elemen utama bagi peruntukan Seksyen 29 adalah berada bersama sehingga menimbulkan syak. Ini bukanlah menunjukkan apa-apa kelakuan atau perbuatan yang menunjukkan persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah. Tertuduh hanya sekadar *berada bersama* dan bukan *membuat persediaan untuk melakukan*. Perbezaan ketara bagi kesalahan khalwat adalah tiada perbuatan, tetapi hanya berada bersama. Walaupun salah satu elemen kesalahan khalwat adalah melakukan perbuatan tidak bermoral, tetapi adakah ia memerlukan bukti perbuatan

⁹ Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 (Enakmen 9 Tahun 1995)

tersebut? Menurut Puan Siti Nor Hashiba, oleh kerana wujud elemen ‘dalam keadaan syak’ maka mencari bukti perbuatan tidak bermoral adalah tidak memadai. Oleh itu, apa-apa perbuatan tidak bermoral yang menimbulkan syak memadai untuk didakwa di bawah Seksyen 29.

Berikut merupakan tempat dan keadaan tertuduh yang mana mereka boleh didakwa di bawah Seksyen 29:

- a) Berdua-duaan di tempat gelap walaupun berpakaian sempurna
- b) Berdua-duaan sehingga menimbulkan syak walaupun tiada perbuatan yang menunjukkan persediaan
- c) Di dalam rumah atau mana-mana tempat tempat selindung
- d) Tidak berpakaian sempurna
- e) Wujud kondom tetapi tidak digunakan

Seksyen 26 kesalahan perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah dan Seksyen 29 kesalahan khalwat hakikatnya bukanlah merupakan kesalahan dan peruntukan yang sama. Ia hanya sekadar lebih kurang sama tetapi apabila diteliti dengan terperinci, kedua-dua peruntukan ini jelas menunjukkan wujudnya perbezaan yang mana elemen utama kesalahan perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah adalah ‘perbuatan’ manakala elemen utama bagi kesalahan khalwat adalah ‘berada bersama’.

Walau bagaimanapun, berdasarkan temubual bersama Puan Siti Nor Hashiba, beliau menyatakan bahawa pertuduhan juga bergantung kepada pendakwa itu sendiri. Sekiranya pendakwa adalah mereka yang tegas, maka tertuduh akan didakwa di bawah Seksyen 26. Sebaliknya terdapat juga pendakwa merasakan bahawa kesalahan tertuduh itu ketika diperhati ketika tangkapan, ia lebih relevan untuk didakwa di bawah Seksyen 29. Berlakunya pindaan pertuduhan ini kebiasaannya ketika pegawai penguatkuasa menghantar fail siasatan kepada pendakwa dan apabila pendakwa meneliti fail tersebut secara terperinci dan melihat satu keadaan yang mana ia tidak sesuai untuk didakwa di bawah Seksyen 26 sebagai contoh, kondom tidak digunakan lagi, maka tertuduh lebih relevan untuk didakwa di bawah Seksyen 29.

Terdapat kes yang mana ia disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 29 tetapi dipinda kepada Seksyen 26 seperti kes *Pendakwa Syarie Iwn. Aiman Syazwan Bin Mahamood dan Seorang Lagi*. Dalam kes ini, Pegawai penyiasat memfailkan siasatan kes di bawah Seksyen 29 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 (Khalwat) untuk semakan. Namun apabila kertas siasatan dihantar kepada Pendakwa Syarie, elemen-elemen bagi Seksyen 29 tidak mencukupi dan Pendakwa Syarie mengesyorkan supaya ia disabitkan di bawah

Seksyen 26 kerana melihat pada tempat dan masa kejadian serta tindakan awal OYDS sengaja menempah satu bilik sahaja. OYDS telah menempah satu bilik di Sekinchan dan tangkapan dibuat lebih kurang pukul 1.50 pagi.

Berdasarkan temu bual bersama Puan Siti Nor Hashiba, berikut merupakan perbezaan yang disimpulkan bagi kedua-dua peruntukan Seksyen 26 dan Seksyen 29:

Jadual 3: Perbezaan Seksyen 26 dan Seksyen 29 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995

No	Perkara	Seksyen 26 (Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah)	Seksyen 29 (Khalwat)
1.	Elemen di dalam peruntukan	Perbuatan yang menunjukkan persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah	1. Seorang lelaki atau lebih berada bersama seorang perempuan atau lebih yang bukanlah merupakan suami dan isteri sah 2. Di tempat terselindung, rumah atau bilik 3. Dalam keadaan syak melakukan perbuatan tidak bermoral
2.	Contoh keadaan ketika tangkapan oleh Pegawai Penguatkuasa Agama	Duduk di atas kerusi bersama-sama Menyewa hotel dan ditangkap di dalam hotel berdua-duaan	Berdua-duaan sehingga menimbulkan syak walaupun tiada perbuatan yang menunjukkan persediaan Di dalam hotel, bilik, rumah atau mana-mana tempat terselindung

3. Contoh keadaan sebagai Qarinah	Kondom yang digunakan atau tidak digunakan	Kondom yang tidak digunakan
	Air mani dijumpai	Air mani tidak dijumpai
	Ditangkap di hotel dalam keadaan tidak berpakaian atau tertuduh dalam keadaan tengah mandi	Tidak berpakaian sempurna
	Katil dalam keadaan berselerak	

PENDAKWAAN DAN PEMBUKTIAN DI MAHKAMAH SYARIAH SELANGOR: AMALAN DAN PENAMBAHBAIKAN

Bagi meningkatkan lagi efisiensi bagi penguatkuasaan dan pendakwaan kedua-dua kesalahan di bawah Seksyen 26 dan Seksyen 29, penyelidik di sini melihat bahawa pentingnya inisiatif untuk membuat pindaan peruntukan yang mana Seksyen 26 dan Seksyen 29 perlu diperincikan lagi. Perincian yang dicadangkan adalah menghuraikan atau menyenaraikan elemen-elemen kesalahan dengan lebih terperinci supaya dapat membezakan antara kedua-dua kesalahan ini dengan jelas. Elemen perbuatan bagi Seksyen 26 adalah umum maka ia perlu diperincikan seperti menambahkan keadaan pakaian yang tidak lengkap atau posisi kedua-dua tertuduh yang menunjukkan perbuatan ke arah hubungan intim seperti wanita duduk di atas lelaki yang sedang baring atau kedua-duanya berbaring di atas katil di dalam suasana bilik yang gelap. Walaupun kedua-dua peruntukan ini sememangnya berbeza, terdapat juga elemen yang bersifat umum dan menunjukkan bahawa kedua-dua peruntukan ini seolah-olah lebih kurang sama. Bukti yang menunjukkan kedua-dua kes ini hampir sama adalah kes-kes yang berlaku pindaan di antara Seksyen 26 dan Seksyen 29 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995.

Penyelidik turut mencadangkan agar manual yang merangkumi garis panduan dan piawaian juga diwujudkan khususnya bagi elemen-elemen ketika tangkapan bagi Seksyen 26 dan Seksyen 29 kerana melalui manual ini, Pegawai Penguatkuasa Agama boleh menilai dengan mudah perbuatan yang dilakukan oleh tertuduh serta keadaan dan situasi tempat. Situasi, keadaan, ciri-ciri dan elemen-elemen boleh disenaraikan dan dihuraikan dalam bentuk jadual di dalam manual tersebut. Sekiranya manual ini diwujudkan, maka kekerapan pindaan kes di antara dua peruntukan ini berkurangan. Prosedur

penghantaran fail siasatan serta pendakwaan juga dipermudahkan yang mana Ketua Pendakwa Syarie dan Pendakwa Syarie bersetuju dengan cadangan pensabitan oleh Pegawai Penguatkuasa Agama tanpa perlu pertimbangan semula pindaan kes.

Unit jawatankuasa khas bagi penambahbaikan dan perincian enakmen perlu diwujudkan supaya dapat memfokuskan kepada pindaan bagi kedua-dua peruntukan tersebut. Sebuah Arahan Amalan berkenaan

KESIMPULAN

Dapat disimpulkan bahawa situasi, elemen dan ciri-ciri bagi kesalahan di bawah Seksyen 26 dan Seksyen 29 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 terdapat perbezaannya. Namun begitu, bagi kes-kes tertentu, elemen yang dipertimbangkan oleh Pendakwa Syarie atau Ketua Pendakwan Syarie pada peringkat penguatkuasaan dan pendakwaan adalah tidak konsisten. Sekiranya sesuatu kes tersebut mempunyai elemen yang terdapat pada Seksyen 29, ia akan disabitkan pada Seksyen 29. Namun begitu, terdapat juga kes yang mempunyai elemen pada Seksyen 29 tetapi disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 26 kerana wujudnya qarinah lain yang menunjukkan bahawa tertuduh perlu didakwa di bawah Seksyen 26. Perkara ini tidak berlaku pada peringkat pendakwaan sahaja. Ia juga berlaku di dalam Mahkamah Syariah yang mana Hakim akan mempertimbangkan elemen, keterangan-keterangan saksi, keterangan dokumentar dan sebagainya sebelum meminda sesuatu kes tersebut kepada peruntukan kesalahan lain.¹⁰ Pertimbangan elemen ke atas sesuatu kes ini adalah tidak konsisten dan hakikatnya perlunya ada inisiatif kepada pindaan peruntukan supaya ia diperincikan atau mewujudkan garis panduan atau piawaian sebagai rujukan dalam menjalankan penguatkuasaan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Seksyen 26 dan Seksyen 29 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.

Diharapkan agar kajian ini dapat menjadi sebuah gagasan yang boleh mendorong pihak berautoriti untuk meminda dan menyusun semula peruntukan Seksyen 26 dan Seksyen 29 supaya ia lebih jelas dan spesifik. Natijah daripada penulisan ini agar dapat menghasilkan lebih banyak lagi kajian penulisan berkenaan kerana ini dilihat sebagai penting untuk melicinkan prosedur dan tatacara penguatkuasaan dan pendakwaan bagi Seksyen 26 dan Seksyen 29 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.

¹⁰ Siti Nor Hashibah Jamhari (Ketua Seksyen Rayuan; Penolong Pendakwa Syarie), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 10 Mei 2024

RUJUKAN

- Abd Rahman al-Jaziri. 1969. *Kitab al-Fiqh 'Ala Mazahib al-Arba'ah*. Jili 4. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Abdullah Bin Abbas, Sahih Muslim. no. hadith 3006. H.
- Abu al-Fida Imad ad-Din (*Kunyah*) Ismail bin Umar bin Kathir bin Daw bin Kathir bin Dir al-Busrawi, ad-Dimashqi ash-Shafi'i al-Qurasyi, Tafsir Ibn Kathir, Dar al- Kutub al-Ilmiyah. (5/7)
- Al-Bustani. t.th. Kitab al-Muhit: *Qamus al-Matawil al-Zughah al- 'Arabiyyah*. Jil.1. t.tp.
- Azhar Abdullah (2015). "Konseptual kesusilaan di Malaysia: Satu sorotan menurut perspektif perundangan." *Journal of Asian Islamic Higher Institutions (JAIHI)* 1(1).
- Azizah Mat Rashid, 'Adha Hamid, Ahmad Azam Mohd Shariff, Adibah Bahori, Masnooraini Mohiddin, (2021). "Aplikasi kaedah Sadd al-Dhara'i dalam mengekang persetubuhan luar nikah: Analisis terhadap peruntukan undang-undang jenayah syariah di Malaysia dan Brunei." *Islamiyyat* 43: 29-42.
- Fuad Thohari. Hadis Ahkam: Kajian hadis-hadis hukum pidana Islam
- Hafifi Hassim & Nawal Sholehuddin. (2019). Kerangka Maqasid Al-Syariah: Peranan Pegawai Penguatkuasa Agama dalam menguatkuasakan kesalahan berkaitan tatasusila. *Journal of Muwafaqat*, 2(1), 84-98.
- Ibn Manzur, Muhammad b. Jalal al-Din (1967). *Lisan al- 'Arab*, vol. 4. Bayrut: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Khadijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Noremy Md. Akhir, Mohd. Suhaimi Mohamad, & Noorhasliza Mohd. Nordin. (2012). Hamil luar nikah dalam kalangan remaja. *Journal of Social Sciences and Humanities*, vol. 7, no. 1, 131-140.
- Muhamad Amin Syahir Ibn 'Abidin (1996). *Hashiyah Ibn 'Abidin*, vol 3. Misr: Syarikat Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Bab al-Halabi.
- Muslim Ibn al-Hajjaj. *Sahih Muslim*, no. hadith 1690 (pp 3215).
- Nidhal Mujahid. (2017). Sebatan di khalayak secara mandatori boleh menjadi trend nasional. *Penang Institute Issues*, 1-12.
- Noor 'Ashikin, Hamid, Shariffah Nuridah Aishah, Syed Nong Muhammad, Lily Suryati, Mohd Jamil, Nur Amani & Pauzai, (2015). "Khalwat dalam kalangan remaja di Malaysia dan Aceh: Kajian terhadap pematuhan Syariah." *Kanun* 27: 298.

- Norhusairi Mat Hussin (2016). “Ulasan buku Siti Zubaidah Ismail (2016), Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah.” *Kanun* 30: 208.
- Said al-Shartibi. t.th. *Aqrab al-Mawarid*, hlm 300, lihat juga Mohd Shukri Hanpi. 2003. *Kamus Istilah Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud, Qisas & Takzir)*. Kuala Lumpur: Zabra.
- Siti Zubaidah Ismail (2008). “Dasar penguatkuasaan dan pendakwaan jenayah syariah di Malaysia: Satu analisis.” *Jurnal Syariah*, vol. 16, 537-554.
- Siti Zubaidah Ismail. (2014). “Hudud dan undang-undang jenayah syariah dalam kerangka Perlembagaan dan sistem perundangan “Dualisme”: Komitmen pelaksanaan ke arah membendung jenayah di Malaysia,” *Jurnal Syariah*, vol. 22, no. 2, 193–212.
- Yusuf al-Qaradawi (1980). *al-Halal wal Haram fil Islam*. al-Maktab al- Islami.
- Zaid Hussin Al-Hamid (1984). *Dosa-dosa besar dalam Islam*. Surabaya: Al-Qo’noah Surabaya.
- Zaini Nasohah, Zurul Iman Zakaria & Zuliza Kusrin. (2022). Cabaran penyeragaman undang-undang jenayah syariah di Malaysia. *International Journal of Islamic Thought*, 22, 146-159.

Laman Web

- Khalwat. (2017). Kamus Dewan Bahasa Pustaka. Retrieved April 20, 2024, from <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=khalwat>
- Zina. (2017). Kamus Dewan Bahasa Pustaka. Retrieved April 20, 2024, from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=zina&d=175768&>

Senarai Statut

- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997
- Enakmen Jenayah (Syariah) 1992, Perak
- Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Perlis) 1991
- Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992
- Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995
- Enakmen Kanun Jenayah Shariah (Negeri Kedah) 1988
- Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995 (Sabah)
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 Johor

Enakmen Kesalahan Jenayah (Syariah) (Negeri Pulau Pinang) 1996
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001
Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991
Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003
Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang 1982
Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003
Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001 (Sarawak)
Perlembagaan Persekutuan

Senarai Kes

KPS v AMZ [2018] 4 SHLR 41
Pendakwa Syarie lwn AS dan seorang lagi (Bilangan fail kes:
H01-J694-1324-04-23)
Syarie Prosecutor v Zainal Abidin bin Saad & Anor [2009] 1 SHLR 134

Senarai Temu bual

Mohamad Saufi Mastor Lani (Ketua Seksyen Perundangan; Penolong Pendakwa Syarie, Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 20 Mei 2024.
Siti Nor Hashibah Jamhari (Ketua Seksyen Rayuan; Penolong Pendakwa Syarie, Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 10 Mei 2024.
Siti Nurkhairunnisa Laila Sazali (Ketua Seksyen Penyelidikan; Penolong Pendakwa Syarie, Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 20 Mei 2024.